

PROGRAM RETREAT KOMUNIKASI STRATEGIK KEMENTERIAN PERTAHANAN 2018

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2888-program-retreat-komunikasi-strategik-kementerian-pertahanan-2018

KUALA LUMPUR, 16 Jan 18 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM hari ini telah menghadiri Program Retreat Komunikasi Strategik Kementerian Pertahanan 2018 bagi mendengar pencabahan idea para peserta serta memberi pandangan kepada semua ahli PKS dan PRO Markas Formasi/Briged berkaitan strategi komunikasi dan Program Hala Tuju MinDef dalam menjayakan Jelajah Perkasa Perwira melalui penyampaian dan saluran komunikasi yang tepat dan berkesan.

Program Retreat Komunikasi Strategik Kementerian Pertahanan 2018 yang berlangsung sejak semalam di Wisma Perwira ATM bertujuan untuk mendapatkan panduan dan khidmat nasihat tentang strategi komunikasi serta penyampaian maklumat yang boleh menyakinkan rakyat untuk terus membangun bersama Kerajaan oleh beberapa konsultan jemputan.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Abd Rahim Mohamad Radzi; Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor; Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman bin Haji Ahmad Badaruddin; Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah bin Hj Mohd Nawawi, Panglima-panglima Perkhidmatan serta Pegawai-pegawai Kanan ATM dan awam Kementerian Pertahanan.

